

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]**

**SOALAN**

**TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan Memorandum bertajuk “Spratly Islands” disediakan oleh Puan Eleen Denza yang terkandung dalam FCO.1713, tahun 1979, Arkib Negara United Kingdom, menyatakan China mempunyai tuntutan undang-undang yang paling kuat. Apakah pendirian Kerajaan mengenai memorandum ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Alor Setar atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut China Selatan terutamanya dalam isu keselamatan yang melibatkan tuntutan bertindih daripada beberapa buah negara iaitu Malaysia, Brunei Darussalam, Vietnam, Filipina dan China. Ianya merupakan suatu isu yang kompleks dan akan mengambil masa yang panjang untuk mencapai penyelesaian. Sebagai sebuah negara yang berdaulat, Malaysia akan terus mempertahankan hak dan kepentingan di perairannya di Laut China Selatan.
3. Pendirian Malaysia berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua tuntutan dan penyelesaiannya hendaklah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 atau *UNCLOS* 1982. Malaysia tidak pernah mengiktiraf tuntutan Republik Rakyat China (RRC) ke atas kawasan perairan Malaysia di Laut China Selatan kerana ianya tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah *UNCLOS* 1982.

Sekian, terima kasih.